



Komunikasi dan Interaksi Bermakna Rentas Etnik dalam Kawasan Rukun Tetangga: Implikasi terhadap Kesepaduan Sosial

(Communication and Meaningful Interethnic Interaction in Neighbourhood Watch Areas: Implications for Social Cohesion)

Nur Anis Amalina Amir Hamzah¹, Azlina Abdullah^{2*}, Mohd Sobhi Ishak³, Azizah Sarkowi⁴

^{1,3}Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, ^{2*}Program Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,

⁴Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Malaysia

*Penulis koresponden: azlina_ab@ukm.edu.my
(*Corresponding Author)

ABSTRACT

Malaysia is a plural society characterized by diversity in ethnicity, religion, language, and culture. In this context, social relations at the grassroots level are crucial for maintaining societal stability. This study examines meaningful communication and cross-ethnic interactions within Kawasan Rukun Tetangga (KRT) as a social space for fostering social cohesion. The study adopts a quantitative approach using a survey design with structured questionnaires, involving 3,408 respondents from various ethnic groups across Malaysia. The data are analyzed descriptively using frequency, percentage, mean, and standard deviation across the individual, family, and community dimensions. The findings indicate that cross-ethnic interactions within the KRT settings is generally positive. Basic communication such as greeting, conversing and receiving visits from friends of different ethnic backgrounds recorded high scores. Family support for interethnic friendship was also strong, although acceptance of interethnic marriage remained moderate. At the community level, shared use of public facilities and positive perceptions of neighborhood peace reflected a good level of social cohesion. The study concludes that KRT function as an effective social platform for fostering interethnic relations and strengthening social cohesion.

Keywords: *interethnic communication, meaningful interaction, social cohesion, neighbourhood, Kawasan Rukun Tetangga (KRT)*



ABSTRAK

Malaysia ialah negara majmuk yang dibina atas kepelbagaian etnik, agama, bahasa dan budaya. Dalam konteks ini, hubungan sosial di peringkat akar umbi sangat penting untuk mengekalkan kestabilan masyarakat. Kajian ini meneliti komunikasi dan interaksi bermakna rentas etnik dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai ruang sosial untuk membina kesepaduan sosial. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan dengan soal selidik berstruktur yang melibatkan 3408 responden daripada pelbagai etnik di seluruh Malaysia. Data dianalisis secara deskriptif melalui frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai bagi dimensi individu, keluarga dan komuniti. Dapatan menunjukkan bahawa interaksi rentas etnik dalam KRT berada pada tahap yang positif. Komunikasi asas seperti bertanya khabar, berbual dan menerima kunjungan rakan berlainan etnik mencatatkan skor yang tinggi. Sokongan keluarga terhadap persahabatan rentas etnik juga kukuh, namun penerimaan terhadap perkahwinan campur masih sederhana. Pada tahap komuniti, perkongsian kemudahan awam dan persepsi terhadap keamanan kejiranan menunjukkan tahap kesepaduan yang baik. Kajian merumuskan bahawa KRT berfungsi sebagai medan sosial yang berkesan untuk memupuk hubungan rentas etnik dan mengukuhkan kesepaduan sosial.

Kata kunci: komunikasi rentas etnik, interaksi bermakna, kesepaduan sosial, kejiranan, Kawasan Rukun Tetangga

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang etnik yang terbina melalui sejarah panjang pertemuan budaya, agama, bahasa dan pengalaman hidup bersama. Kepelbagaian ini bukan sahaja mencerminkan realiti sosial masyarakat, malah menjadi asas kepada pembentukan identiti nasional yang unik. Walaupun kepelbagaian ini sering dilihat sebagai kekuatan dari sudut warisan budaya dan dinamika sosial, ia juga menuntut kewujudan mekanisme sosial yang berkesan bagi mengurus perbezaan secara matang, adil dan berterusan. Dalam konteks ini, kesepaduan sosial menjadi elemen penting dalam memastikan kestabilan dan keharmonian masyarakat dapat dikekalkan dalam jangka panjang.

Dalam masyarakat majmuk, perpaduan tidak lahir secara automatik. Sebaliknya, perpaduan terbina melalui proses sosial yang berterusan, khususnya melalui interaksi harian yang membentuk kepercayaan, toleransi dan rasa kebersamaan (Jenson 1998; OECD 2012; Shamsul Amri Baharuddin 2012). Penyelidikan terkini memperkukuh pandangan ini dengan



menegaskan bahawa kesepaduan sosial merupakan satu proses dinamik yang melibatkan interaksi berterusan antara individu dan kumpulan dalam masyarakat (Fonseca et al. 2020; Schiefer & van der Noll 2021). Dragolov et al. (2021) turut menjelaskan bahawa kesepaduan sosial merangkumi tiga dimensi utama, iaitu kepercayaan sosial, rasa kekitaan (*sense of belonging*) dan penyertaan aktif dalam kehidupan komuniti. Oleh itu, kesepaduan sosial bukan sekadar keadaan statik, tetapi satu proses sosial yang sentiasa berkembang dan dipengaruhi oleh konteks interaksi harian.

Dalam konteks tersebut, hubungan sosial rentas etnik muncul sebagai komponen teras dalam pembinaan kesepaduan sosial. Interaksi antara etnik bukan sekadar pertemuan sosial biasa, tetapi menjadi medium penting yang membolehkan individu memahami nilai, pengalaman dan sensitiviti kelompok lain. Melalui interaksi yang kerap dan bermakna, individu berpeluang membina kepercayaan, mengurangkan stereotaip dan memperkuat hubungan sosial. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa interaksi rentas etnik yang bersifat berterusan mampu mengurangkan jarak sosial dan meningkatkan kestabilan masyarakat (Varshney 2002; Mak Din et al. 2020). Selari dengan itu, kajian kontemporari turut menunjukkan bahawa kepelbagaian sosial tidak semestinya membawa kepada konflik, sebaliknya boleh menyumbang kepada peningkatan kepercayaan sosial sekiranya wujud interaksi yang berkualiti (Koopmans & Schaeffer 2021; Laurence 2020; Wessendorf 2020).

Namun begitu, tidak semua bentuk interaksi sosial mempunyai kesan yang sama terhadap pembinaan kesepaduan sosial. Interaksi yang bersifat permukaan, seperti bertegur sapa atau berinteraksi secara ringkas di ruang awam, mungkin tidak cukup untuk membina hubungan yang mendalam. Sebaliknya, interaksi bermakna yang melibatkan kepercayaan, sokongan emosi dan penglibatan aktif dalam kehidupan sosial dilihat lebih berkesan dalam membentuk hubungan yang kukuh. Dalam hal ini, kajian semasa menekankan kepentingan membezakan antara interaksi biasa dan interaksi bermakna dalam memahami dinamika hubungan sosial dalam masyarakat majmuk (Neal et al. 2021; Blokland & Nast 2023).

Hubungan kejiranan merupakan antara ruang sosial yang paling dekat dan signifikan dalam pembentukan interaksi tersebut. Dalam kehidupan seharian, jiran merupakan individu yang berkongsi ruang fizikal, kemudahan awam dan pengalaman sosial yang sama. Interaksi yang berlaku dalam konteks kejiranan lazimnya lebih kerap, tidak formal dan berterusan, sekali gus menyediakan asas yang kukuh untuk pembinaan hubungan sosial yang lebih mendalam. Kajian menunjukkan bahawa kejiranan yang mempunyai tahap interaksi sosial yang tinggi cenderung menunjukkan tahap kepercayaan sosial yang lebih baik, selain mampu



mengurangkan prasangka antara kumpulan etnik (Mohd Syariefudin Abdullah, Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor 2013; Neal et al. 2021). Malah, dalam konteks masyarakat pelbagai budaya, kejiwaan sering dilihat sebagai “tapak mikro” kepada pembentukan kesepaduan sosial yang lebih luas.

Dalam konteks Malaysia, KRT memainkan peranan penting sebagai institusi sosial yang menghubungkan dasar perpaduan dengan realiti kehidupan masyarakat. Penubuhan KRT pada tahun 1975 adalah berakar daripada keperluan untuk memperkukuh hubungan komuniti selepas konflik etnik 13 Mei 1969. Pada peringkat awal, KRT lebih menumpukan kepada aspek keselamatan komuniti, namun fungsinya telah berkembang merangkumi pelbagai dimensi termasuk pembangunan sosial, kebajikan dan perpaduan masyarakat. Melalui penganjuran aktiviti kemasyarakatan, pendidikan komuniti dan program kebudayaan, KRT menyediakan ruang interaksi yang lebih tersusun dan inklusif antara penduduk pelbagai etnik (Tamring, Esa & Ibrahim 2020).

Perkembangan semasa turut menunjukkan bahawa institusi komuniti seperti KRT semakin penting dalam memperkukuh kesepaduan sosial di peringkat akar umbi. Kajian terkini di Malaysia mendapati bahawa penglibatan dalam aktiviti komuniti mampu meningkatkan hubungan rentas etnik dan memperkukuh toleransi sosial (Yusof & Abd Rahman 2022; Ibrahim & Hassan 2023). Ini menunjukkan bahawa kesepaduan sosial bukan sahaja dipacu oleh dasar kerajaan, tetapi juga oleh interaksi sosial yang berlaku dalam kehidupan harian masyarakat.

Walau bagaimanapun, kewujudan ruang sosial seperti KRT tidak semestinya menjamin terbentuknya interaksi yang mendalam dan berkesan. Dalam sesetengah keadaan, hubungan antara etnik mungkin hanya berlaku pada tahap permukaan tanpa melibatkan kepercayaan yang lebih mendalam. Kajian kontemporari menunjukkan bahawa interaksi sosial mempunyai lapisan yang berbeza, di mana hubungan asas lebih mudah terbentuk berbanding hubungan yang melibatkan komitmen sosial yang tinggi seperti kerjasama intensif atau penerimaan terhadap perbezaan budaya yang sensitif (Koopmans & Schaeffer 2021). Oleh itu, adalah penting untuk meneliti bukan sahaja kewujudan interaksi, tetapi juga tahap kedalaman dan makna interaksi tersebut dalam konteks kehidupan sebenar.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti tahap komunikasi dan interaksi bermakna rentas etnik dalam kalangan penduduk KRT di Malaysia. Secara khusus, kajian ini memberi tumpuan kepada pola hubungan sosial rentas etnik pada tiga tahap utama, iaitu individu, keluarga dan komuniti. Selain itu, kajian ini turut berusaha menjelaskan implikasi



dapatan terhadap pembinaan kesepaduan sosial dalam masyarakat majmuk. Dengan memberi penekanan kepada interaksi di peringkat akar umbi, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana kesepaduan sosial dibina dan dipertahankan dalam konteks masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Kesepaduan sosial dalam masyarakat majmuk

Kesepaduan sosial merujuk kepada keupayaan sesuatu masyarakat untuk hidup bersama dalam keadaan yang relatif stabil, harmoni dan saling bergantung. Jenson (1998) melihat kesepaduan sosial sebagai satu proses yang menuntut komitmen, tanggungjawab dan kemampuan untuk hidup bersama secara aman, manakala OECD (2012) menegaskan bahawa kesepaduan sosial melibatkan usaha meningkatkan kesejahteraan semua anggota masyarakat, mengurangkan peminggiran dan membina rasa kebersamaan.

Perbincangan kontemporari telah memperluas konsep ini dengan melihat kesepaduan sosial sebagai fenomena yang lebih dinamik dan berlapis. Fonseca et al. (2020) menegaskan bahawa kesepaduan sosial bukan sekadar keadaan sosial yang statik, tetapi satu proses yang terbina melalui interaksi sosial yang berterusan. Dragolov et al. (2021) pula menghuraikan bahawa kesepaduan sosial merangkumi tiga dimensi utama, iaitu kepercayaan sosial, rasa kekitaan (*sense of belonging*) dan penyertaan aktif dalam komuniti. Schiefer dan van der Noll (2021) turut menambah bahawa kesepaduan sosial melibatkan keseimbangan antara integrasi sosial dan kepelbagaian, di mana masyarakat perlu mampu menerima perbezaan tanpa menjejaskan keharmonian.

Dalam konteks Malaysia, Shamsul Amri Baharuddin (2012) menjelaskan bahawa kesepaduan sosial merujuk kepada keadaan sosial yang dipacu oleh idaman terhadap perpaduan. Walaupun perpaduan mutlak mungkin belum dicapai, kemampuan masyarakat Malaysia mengekalkan keharmonian dalam kepelbagaian menunjukkan bahawa kesepaduan sosial telah wujud sebagai realiti sosial yang signifikan. Kajian semasa di Malaysia turut menunjukkan bahawa kesepaduan sosial dipengaruhi oleh faktor interaksi sosial, kepercayaan antara etnik dan penglibatan dalam aktiviti komuniti (Yusof & Abd Rahman 2022; Ibrahim & Hassan 2023).



Hubungan Sosial Rentas Etnik sebagai Asas Kehidupan Bersama

Hubungan sosial merujuk kepada jaringan interaksi yang menghubungkan individu dan kelompok dalam masyarakat. Coleman (1988) menjelaskan bahawa jaringan hubungan sosial mempunyai nilai yang boleh dimanfaatkan untuk menghasilkan tindakan kolektif dan pembinaan modal sosial. Adler dan Kwon (2002) pula menegaskan bahawa modal sosial terbina melalui hubungan yang membolehkan aliran maklumat, kepercayaan dan kerjasama berkembang dalam sesuatu komuniti.

Dalam masyarakat berbilang etnik, hubungan sosial rentas etnik memainkan peranan yang lebih penting kerana ia berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan kelompok berbeza. Varshney (2002) menegaskan bahawa interaksi antara etnik, sama ada secara formal atau tidak formal, berupaya mengurangkan jarak sosial dan memperkukuh kestabilan masyarakat. Dapatan Mak Din et al. (2020) pula menunjukkan bahawa hubungan sosial rentas etnik mempunyai hubungan yang positif dengan pengukuhan kesepaduan sosial di Malaysia.

Perbincangan terkini menunjukkan bahawa kepelbagaian sosial tidak semestinya membawa kepada konflik, sebaliknya boleh memperkukuh hubungan sosial sekiranya interaksi berlaku secara bermakna dan berterusan. Koopmans dan Schaeffer (2021) mendapati bahawa interaksi antara kumpulan etnik boleh meningkatkan tahap kepercayaan sosial, manakala Laurence (2020) menunjukkan bahawa penyertaan dalam aktiviti sosial bersama dapat mengukuhkan integrasi sosial. Wessendorf (2020) pula memperkenalkan konsep “commonplace diversity”, iaitu keadaan di mana kepelbagaian menjadi sebahagian daripada kehidupan harian yang diterima secara normal oleh masyarakat. Oleh itu, hubungan sosial rentas etnik tidak boleh dilihat sebagai fenomena pasif, tetapi sebagai proses aktif yang terbina melalui interaksi berulang, pengalaman bersama dan pembentukan kepercayaan sosial dalam kehidupan seharian.

Interaksi Bermakna dalam Konteks Kejiranan

Interaksi bermakna tidak sama dengan interaksi biasa. Interaksi biasa boleh berlaku pada tahap minimum, seperti bertegur sapa atau bertemu secara kebetulan di ruang awam. Sebaliknya, interaksi bermakna melibatkan unsur yang lebih mendalam, termasuk kepercayaan, penerimaan, kesediaan berkongsi ruang sosial dan sokongan dalam situasi tertentu. Dalam konteks ini, Neal et al. (2021) menegaskan bahawa interaksi harian dalam



ruang kejiranan menyediakan peluang untuk pembentukan hubungan sosial yang lebih autentik dan berterusan. Blokland dan Nast (2023) pula menunjukkan bahawa hubungan kejiranan yang aktif mampu membina rasa kekitaan dan meningkatkan keterikatan sosial dalam kalangan penduduk. Interaksi bermakna juga sering dikaitkan dengan pengalaman bersama seperti aktiviti komuniti, bantuan semasa krisis dan penyertaan dalam kehidupan sosial setempat.

Kejiranan menyediakan medan yang sesuai untuk membina interaksi bermakna kerana hubungan yang terjalin lazimnya bersifat berterusan dan praktikal. Jiran bukan sahaja berkongsi ruang fizikal, tetapi juga pengalaman sosial seperti keselamatan, kebersihan, aktiviti kemasyarakatan dan sokongan dalam kehidupan seharian (Mohd Syariefudin Abdullah, Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor 2013). Dalam masyarakat pelbagai etnik, interaksi di peringkat kejiranan menjadi asas penting dalam mengurangkan prasangka dan membina kepercayaan antara kumpulan.

Konsep Kejiranan dan Peranan Kawasan Rukun Tetangga

Jiran merujuk kepada individu atau kelompok yang tinggal berhampiran dan berkongsi kawasan tempat tinggal yang sama. Dalam konteks sosial, kejiranan bukan sekadar kedudukan geografi, tetapi merupakan satu bentuk hubungan sosial yang berasaskan saling mengenali, saling membantu dan berkongsi tanggungjawab terhadap kesejahteraan kawasan setempat.

Di Malaysia, Rukun Tetangga diwujudkan sebagai institusi sosial bagi memperkukuh keharmonian dan keselamatan komuniti selepas peristiwa 13 Mei 1969. Dalam perkembangannya, KRT bukan lagi hanya berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial, tetapi juga sebagai platform penglibatan masyarakat yang lebih luas. Penganjuran aktiviti sosial, kebudayaan, pendidikan dan kebajikan di bawah KRT memberi peluang kepada penduduk pelbagai etnik untuk berinteraksi dalam suasana yang lebih terancang dan inklusif (Tamring, Esa & Ibrahim 2020).

Kajian terkini menunjukkan bahawa institusi komuniti seperti KRT memainkan peranan penting dalam memperkukuh kesepaduan sosial melalui penglibatan sosial dan interaksi antara etnik. Penglibatan dalam aktiviti komuniti didapati meningkatkan toleransi, kepercayaan sosial dan rasa kekitaan dalam kalangan penduduk (Yusof & Abd Rahman 2022; Ibrahim & Hassan 2023). Oleh itu, KRT boleh dilihat sebagai ruang sosial strategik



yang menghubungkan dasar perpaduan dengan realiti kehidupan masyarakat di peringkat akar umbi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan bagi meneliti pola komunikasi dan interaksi bermakna rentas etnik dalam kalangan penduduk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Malaysia. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana ia membolehkan pengukuran yang sistematik terhadap corak hubungan sosial serta membolehkan generalisasi dapatan kepada populasi yang lebih luas (Creswell 2014). Reka bentuk tinjauan pula sesuai digunakan kerana kajian ini bertujuan menilai persepsi, pengalaman dan tingkah laku sosial responden dalam konteks kehidupan kejiiran.

Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang dibangunkan berdasarkan sorotan literatur berkaitan hubungan sosial rentas etnik dan kesepaduan sosial. Soal selidik dibina untuk mengukur bentuk komunikasi dan interaksi rentas etnik dalam kehidupan kejiiran dan mengandungi beberapa bahagian utama yang merangkumi maklumat demografi serta item-item yang mengukur interaksi rentas etnik berdasarkan tiga dimensi utama, iaitu individu, keluarga dan komuniti. Item-item diukur menggunakan skala Likert lima mata, daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju), bagi menilai tahap persetujuan responden terhadap pernyataan yang diberikan.

Responden kajian terdiri daripada 3408 penduduk yang tinggal di KRT di seluruh Malaysia, melibatkan pelbagai etnik utama seperti Melayu, Cina, India serta Bumiputera Sabah dan Sarawak. Kaedah pensampelan rawak berstrata digunakan bagi memastikan keterwakilan setiap kumpulan etnik dalam sampel kajian. Pemilihan responden dilakukan berdasarkan strata etnik dan lokasi geografi bagi mencerminkan kepelbagaian populasi sebenar.

Data kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Analisis deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menggambarkan pola komunikasi dan interaksi rentas etnik dalam kalangan responden. Penggunaan analisis deskriptif adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang memberi tumpuan kepada pemahaman tahap dan bentuk interaksi sosial dalam konteks kejiiran.



HASIL KAJIAN

Profil Responden

Responden kajian terdiri daripada 3408 orang penduduk KRT di seluruh Malaysia. Berdasarkan taburan etnik, kumpulan Melayu mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 67.5 peratus atau 2302 orang. Kumpulan Bumiputera Sabah dan Sarawak pula berjumlah 520 orang atau 15.4 peratus. Responden etnik Cina ialah 431 orang atau 12.6 peratus, manakala etnik India seramai 155 orang atau 4.5 peratus. Komposisi ini menunjukkan bahawa kajian melibatkan penyertaan daripada pelbagai etnik utama di Malaysia dan memberikan asas yang memadai untuk memahami pola hubungan sosial rentas etnik dalam konteks KRT.

Jadual 1: Taburan responden mengikut etnik (N=3408)

Etnik	Bilangan (n)	Peratusan (%)
Melayu	2302	67.5
Cina	431	12.6
India	155	4.5
Bumiputera Sabah dan Sarawak	520	15.4
Jumlah	3408	100.0

Hubungan Sosial Rentas Etnik pada Tahap Individu

Dapatan pada tahap individu menunjukkan bahawa hubungan sosial rentas etnik berada pada tahap yang tinggi. Item dengan skor min tertinggi ialah bertanya khabar dan berbual dengan kaum lain, iaitu min 4.07. Sebaliknya, item yang melibatkan penyertaan dalam aktiviti kebajikan anjuran kaum lain mencatatkan min terendah, iaitu 3.69.

Dapatan ini menunjukkan bahawa komunikasi asas antara etnik telah menjadi amalan yang biasa dalam kehidupan kejiwaan. Keadaan ini selari dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa interaksi harian seperti bertegur sapa dan perbualan santai merupakan



bentuk interaksi paling lazim dalam masyarakat pelbagai etnik kerana ia tidak melibatkan komitmen sosial yang tinggi (Wessendorf 2020; Neal et al. 2021). Interaksi jenis ini penting sebagai langkah awal dalam membina kepercayaan sosial dan mengurangkan jarak sosial antara kumpulan etnik (Koopmans & Schaeffer 2021).

Namun demikian, penglibatan dalam aktiviti formal yang dianjurkan oleh kelompok etnik lain masih lebih rendah. Dapatan ini mencerminkan bahawa walaupun hubungan sosial rentas etnik wujud pada tahap asas, interaksi yang memerlukan komitmen sosial yang lebih mendalam seperti penyertaan dalam aktiviti kebajikan atau program komuniti masih terhad. Hal ini turut disokong oleh kajian Laurence (2020) yang mendapati bahawa penyertaan dalam aktiviti sosial bersama memerlukan tahap kepercayaan dan keterbukaan yang lebih tinggi berbanding interaksi harian biasa. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa hubungan sosial rentas etnik pada tahap individu masih berada pada lapisan awal, iaitu lebih tertumpu kepada interaksi santai berbanding interaksi bermakna yang melibatkan penglibatan aktif.



Jadual 2: Min dan sisihan piawai hubungan sosial rentas etnik pada tahap individu (N=3408)

Item	Min	Sisihan piawai
Saya bertanya khabar dan berbual dengan kaum lain.	4.07	.802
Saya menderma untuk aktiviti kebudayaan lain.	3.72	.871
Saya ikut serta aktiviti kebajikan anjuran kaum lain.	3.69	.864
Saya berinteraksi di laman sosial di Internet dengan kaum lain.	3.86	.848
Saya menjemput kaum lain dalam setiap aktiviti sosial kaum saya.	3.83	.796
Saya menziarah rumah rakan kaum lain yang ditimpa musibah.	3.95	.747
Saya keluar makan bersama rakan kaum lain.	3.95	.777
Saya menerima kawan-kawan berbeza kaum datang ke rumah saya.	4.01	.759

Analisis frekuensi turut menyokong pola tersebut. Sebanyak 84.7 peratus responden sama ada sangat setuju atau setuju bahawa mereka bertanya khabar dan berbual dengan kaum lain. Sebanyak 80.5 peratus pula bersetuju bahawa mereka menerima kunjungan rakan berlainan etnik ke rumah. Secara keseluruhannya, interaksi pada tahap individu lebih kukuh dalam bentuk hubungan santai dan komunikasi harian berbanding penyertaan dalam aktiviti sosial yang lebih formal.



Jadual 3: Frekuensi hubungan sosial rentas etnik pada tahap individu (N=3408)

Item	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
Saya bertanya khabar dan berbual dengan kaum lain.	949 (27.8)	1940 (56.9)	391 (11.5)	57 (1.7)	71 (2.1)
Saya menderma untuk aktiviti kebudayaan lain.	559 (16.4)	1652 (48.5)	921 (27.0)	221 (6.5)	55 (1.6)
Saya ikut serta aktiviti kebajikan anjuran kaum lain.	536 (15.7)	1613 (47.3)	978 (28.7)	235 (6.9)	46 (1.3)
Saya berinteraksi di laman sosial di Internet dengan kaum lain.	717 (21.0)	1767 (51.8)	717 (21.0)	157 (4.6)	50 (1.5)
Saya menjemput kaum lain dalam setiap aktiviti sosial kaum saya.	610 (17.9)	1824 (53.5)	810 (23.8)	129 (3.8)	35 (1.0)
Saya menziarah rumah rakan kaum lain yang ditimpa musibah.	694 (20.4)	1995 (58.5)	606 (17.8)	81 (2.4)	32 (0.9)
Saya keluar makan bersama rakan kaum lain.	767 (22.5)	1882 (55.2)	623 (18.3)	110 (3.2)	26 (0.8)
Saya menerima kawan-kawan berbeza kaum datang ke rumah saya.	828 (24.3)	1915 (56.2)	558 (16.4)	77 (2.3)	30 (0.9)



Hubungan Sosial Rentas Etnik pada Tahap Keluarga

Pada tahap keluarga, dapatan kajian menunjukkan bahawa keluarga memainkan peranan penting dalam menyokong interaksi rentas etnik. Skor min tertinggi ialah item keluarga sering membantu rakan atau jiran yang ditimpa kesusahan (min 4.11), manakala sokongan terhadap perkahwinan campur mencatatkan min terendah (min 3.53). Dapatan ini memperlihatkan bahawa keluarga berfungsi sebagai institusi sosial yang menyokong hubungan rentas etnik, khususnya dalam aspek bantuan sosial dan persahabatan. Hal ini selari dengan teori modal sosial yang menekankan bahawa jaringan sosial dalam keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk kepercayaan dan kerjasama dalam masyarakat (Coleman 1988; Adler & Kwon 2002). Dalam konteks masyarakat majmuk, keluarga juga berperanan sebagai agen sosialisasi yang membentuk sikap individu terhadap kelompok etnik lain.

Namun demikian, tahap penerimaan terhadap perkahwinan campur yang lebih rendah menunjukkan bahawa terdapat batas sosial yang masih wujud, khususnya dalam aspek yang melibatkan identiti budaya dan agama. Dapatan ini menyokong kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa walaupun masyarakat bersikap terbuka terhadap interaksi sosial rentas etnik, mereka cenderung lebih berhati-hati dalam hal yang melibatkan keputusan hidup yang lebih mendalam (Koopmans & Schaeffer 2021; Wessendorf 2020). Oleh itu, peranan keluarga dalam hubungan rentas etnik adalah bersifat ambivalen, iaitu memperkuat interaksi sosial tetapi pada masa yang sama mengekalkan sempadan sosial tertentu.



Jadual 4: Min dan sisihan piawai hubungan sosial rentas etnik pada tahap keluarga (N=3408)

Item	Min	Sisihan piawai
Keluarga menyokong persahabatan saya dengan rakan pelbagai kaum.	4.06	.702
Keluarga saya mempunyai ramai kenalan pelbagai kaum.	3.98	.766
Keluarga saya akan mengundang rakan atau jiran pelbagai kaum ke majlis perkahwinan.	4.01	.761
Keluarga saya sering membantu rakan atau jiran yang ditimpa kesusahan.	4.11	.690
Saya mempunyai ahli keluarga atau saudara yang menghantar anak ke sekolah jenis kebangsaan.	3.81	.937
Keluarga saya menyokong perkahwinan campur berlainan kaum.	3.53	1.015
Keluarga saya menerima makanan tradisi kaum lain semasa musim perayaan.	3.76	.911
Keluarga saya menyokong untuk belajar bahasa kaum lain.	4.06	.722

Dari segi frekuensi, 86.6 peratus responden menyatakan bahawa keluarga mereka sering membantu rakan atau jiran yang ditimpa kesusahan, manakala 83.9 peratus menyatakan bahawa keluarga mereka menyokong persahabatan dengan rakan pelbagai kaum. Namun demikian, hanya 55.7 peratus yang menyatakan keluarga mereka menyokong perkahwinan campur. Hal ini menunjukkan bahawa keluarga merupakan institusi penting yang boleh memperkukuh, namun dalam keadaan tertentu juga mengehadkan kedalaman interaksi rentas etnik.



Jadual 5: Frekuensi hubungan sosial rentas etnik pada tahap keluarga (N=3408)

Item	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
Keluarga menyokong persahabatan saya dengan rakan pelbagai kaum.	838 (24.6)	2020 (59.3)	481 (14.1)	50 (1.5)	19 (0.6)
Keluarga saya mempunyai ramai kenalan pelbagai kaum.	817 (24.0)	1833 (53.8)	647 (19.0)	92 (2.7)	19 (0.6)
Keluarga saya akan mengundang rakan atau jiran pelbagai kaum ke majlis perkahwinan.	845 (24.8)	1908 (56.0)	536 (15.7)	96 (2.8)	23 (0.7)
Keluarga saya sering membantu rakan atau jiran yang ditimpa kesusahan.	900 (26.4)	2051 (60.2)	396 (11.6)	37 (1.1)	24 (0.7)
Saya mempunyai ahli keluarga atau saudara yang menghantar anak ke sekolah jenis kebangsaan.	745 (21.9)	1691 (49.6)	628 (18.4)	271 (8.0)	73 (2.1)
Keluarga saya menyokong perkahwinan campur berlainan kaum.	555 (16.3)	1343 (39.4)	1011 (29.7)	361 (10.6)	138 (4.0)



Item	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
Keluarga saya menerima makanan tradisi kaum lain semasa musim perayaan.	679 (19.9)	1578 (46.3)	861 (25.3)	224 (6.6)	66 (1.9)
Keluarga saya menyokong untuk belajar bahasa kaum lain.	889 (26.1)	1938 (56.9)	510 (15.0)	50 (1.5)	21 (0.6)

Hubungan Sosial Rentas Etnik pada Tahap Komuniti

Pada tahap komuniti, dapatan menunjukkan bahawa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) secara umumnya berfungsi sebagai ruang sosial yang harmoni. Skor min tertinggi ialah item keamanan dan keharmonian kawasan kejiranan (min 4.08), manakala aktiviti pelbagai persatuan agama mencatatkan skor yang lebih rendah (min 3.76). Dapatan ini menunjukkan bahawa komuniti KRT menyediakan persekitaran sosial yang stabil dan kondusif untuk interaksi rentas etnik. Perkongsian kemudahan awam dan persepsi terhadap keamanan yang tinggi mencerminkan kewujudan kepercayaan sosial dan kerjasama dalam kalangan penduduk. Hal ini selari dengan kajian yang menunjukkan bahawa ruang kejiranan memainkan peranan penting dalam membina kesepaduan sosial melalui interaksi harian dan pengalaman bersama (Neal et al. 2021; Blokland & Nast 2023).

Walaupun bagaimanapun, tahap penerimaan terhadap aktiviti yang melibatkan identiti kolektif seperti agama adalah lebih rendah, menunjukkan bahawa sensitiviti terhadap perbezaan budaya dan agama masih wujud dalam masyarakat. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa kesepaduan sosial dalam masyarakat majmuk tidak semestinya melibatkan penghapusan perbezaan, tetapi lebih kepada pengurusan perbezaan secara harmoni (Shamsul Amri Baharuddin 2012). Oleh itu, walaupun KRT berjaya menyediakan asas kepada kesepaduan sosial, usaha berterusan diperlukan untuk memperkukuh interaksi yang lebih inklusif dan mendalam.

Jadual 6: Min dan sisihan piawai hubungan sosial rentas etnik pada tahap komuniti (N=3408)



Item	Min	Sisihan piawai
Aktiviti pelbagai persatuan agama boleh dijalankan di kawasan kejiranan saya.	3.76	.913
Aktiviti kebudayaan dan kesenian dapat dijalankan dengan bebas di kawasan kejiranan saya.	3.84	.860
Kemudahan awam digunakan bersama dalam kawasan kejiranan saya.	4.05	.718
Kegiatan ekonomi berjalan dengan baik di kawasan kejiranan saya.	3.98	.715
Masalah sosial dapat diurus dengan baik dalam kawasan kejiranan saya.	3.94	.727
Peristiwa pergaduhan kaum di tempat lain tidak mempengaruhi kehidupan di kawasan kejiranan saya.	3.87	.860
Keamanan dan keharmonian kawasan kejiranan saya adalah baik.	4.08	.710

Analisis frekuensi menunjukkan bahawa 86.7 peratus responden bersetuju bahawa keamanan dan keharmonian kawasan kejiranan mereka adalah baik, manakala 83.6 peratus bersetuju bahawa kemudahan awam digunakan bersama dalam kejiranan. Walau bagaimanapun, hanya 67.5 peratus yang bersetuju bahawa aktiviti pelbagai persatuan agama boleh dijalankan di kawasan kejiranan mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa KRT menyediakan asas yang kukuh untuk pembinaan kesepaduan sosial, namun pembinaan komuniti yang benar-benar inklusif masih memerlukan perhatian terhadap isu yang bersifat sensitif.



Jadual 7: Frekuensi hubungan sosial rentas etnik pada tahap komuniti (N=3408)

Item	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
Aktiviti pelbagai persatuan agama boleh dijalankan di kawasan kejiranan saya.	592 (17.4)	1706 (50.1)	843 (24.7)	203 (6.0)	64 (1.9)
Aktiviti kebudayaan dan kesenian dapat dijalankan dengan bebas di kawasan kejiranan saya.	635 (18.6)	1810 (53.1)	765 (22.4)	166 (4.9)	32 (0.9)
Kemudahan awam digunakan bersama dalam kawasan kejiranan saya.	793 (23.2)	2060 (60.4)	494 (14.5)	45 (1.3)	16 (0.5)
Kegiatan ekonomi berjalan dengan baik di kawasan kejiranan saya.	682 (20.0)	2086 (61.2)	561 (16.5)	55 (1.6)	24 (0.7)
Masalah sosial dapat diurus dengan baik dalam kawasan kejiranan saya.	606 (17.8)	2102 (61.7)	614 (18.0)	63 (1.8)	23 (0.7)
Peristiwa pergaduhan kaum di tempat lain tidak mempengaruhi kehidupan di kawasan kejiranan saya.	605 (17.8)	1970 (57.8)	645 (18.9)	139 (4.1)	49 (1.4)



Item	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
Keamanan dan keharmonian kawasan kejiranan saya adalah baik.	827 (24.3)	2127 (62.4)	387 (11.4)	37 (1.1)	30 (0.9)

IMPLIKASI KAJIAN ETNIK

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan rentas etnik tidak boleh difahami semata-mata melalui wacana makro seperti perpaduan, dasar atau konflik. Sebaliknya, hubungan tersebut perlu diteliti melalui interaksi harian yang berlaku dalam ruang sosial paling dekat dengan kehidupan manusia, iaitu kejiranan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa interaksi rentas etnik bersifat berlapis. Komunikasi asas seperti bertanya khabar, berbual dan berkongsi ruang sosial berada pada tahap yang tinggi, namun bentuk interaksi yang menuntut komitmen sosial yang lebih mendalam, seperti penyertaan dalam aktiviti kebajikan atau penerimaan terhadap perkahwinan campur, masih terhad.

Selain itu, keluarga muncul sebagai institusi penting dalam pembentukan hubungan etnik. Walaupun keluarga menyokong persahabatan dan amalan sosial rentas etnik, ia pada masa yang sama mengekalkan pertimbangan yang lebih berhati-hati terhadap aspek yang berkaitan dengan identiti budaya dan agama. Di peringkat komuniti, kajian ini menonjolkan KRT sebagai institusi pengantara yang penting antara dasar perpaduan dan realiti sosial masyarakat. KRT bukan sahaja berfungsi sebagai wadah penganjuran aktiviti, tetapi juga sebagai ruang sosial yang memungkinkan kehidupan bersama dipraktikkan secara nyata.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperkukuh hujah bahawa kesepaduan sosial di Malaysia tidak semestinya dicapai melalui penghapusan perbezaan, tetapi melalui pengurusan perbezaan secara harmoni dalam kehidupan seharian (Shamsul Amri Baharuddin 2012).



KESIMPULAN

Kajian ini meneliti komunikasi dan interaksi bermakna rentas etnik dalam KRT sebagai ruang sosial penting dalam pembinaan kesepaduan sosial di Malaysia. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa hubungan sosial rentas etnik dalam kalangan penduduk KRT berada pada tahap yang positif, khususnya dalam bentuk komunikasi harian dan interaksi sosial santai.

Walau bagaimanapun, kajian ini turut memperlihatkan bahawa interaksi rentas etnik tidak bersifat seragam, sebaliknya berlaku secara berlapis. Interaksi asas seperti bertanya khabar dan berkongsi ruang sosial lebih mudah terbentuk, manakala interaksi yang melibatkan komitmen sosial yang lebih mendalam seperti penyertaan dalam aktiviti kebajikan atau penerimaan terhadap perkahwinan campur masih menunjukkan batas tertentu. Hal ini menunjukkan bahawa kesepaduan sosial terbina secara berperingkat melalui pengalaman interaksi yang berterusan.

Di samping itu, keluarga dan komuniti memainkan peranan penting dalam membentuk dan menyokong hubungan rentas etnik. Keluarga bertindak sebagai agen sosialisasi yang mempengaruhi tahap penerimaan terhadap kelompok etnik lain, manakala KRT berfungsi sebagai platform sosial yang menyediakan ruang interaksi yang lebih tersusun dan inklusif dalam kehidupan seharian.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa kesepaduan sosial dalam masyarakat majmuk tidak semestinya dicapai melalui penghapusan perbezaan, tetapi melalui pengurusan perbezaan secara harmoni dalam konteks kehidupan harian. Sehubungan itu, pengukuhan peranan institusi komuniti seperti KRT adalah penting dalam memperkasa interaksi rentas etnik yang lebih bermakna dan mampan di peringkat akar umbi.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atas pembiayaan penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan nombor geran FRGS/1/2022/SS10/UKM/02/16. Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan penyelidikan bertajuk “Komunikasi dan Interaksi Bermakna Rentas Etnik dalam Kawasan Rukun Tetangga: Implikasi terhadap Kesepaduan Sosial”.



RUJUKAN

- Adler, P.S. & Kwon, S.W. 2002. *Social Capital: Prospects for a New Concept*. Academy of Management Review 27(1): 17–40.
- Blokland, T. & Nast, J. 2023. *Neighbourhood Social Life and Belonging*. Urban Studies 60(4): 789–805.
- Coleman, J.S. 1988. *Social Capital in The Creation of Human Capital*. American Journal of Sociology 94: S95–S120.
- Creswell, J.W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 4th ed. Thousand Oaks: Sage.
- Dragolov, G., Ignácz, Z., Lorenz, J., Delhey, J. & Boehnke, K. 2021. *Social Cohesion in the Western World*. Cham: Springer.
- Fonseca, X., Lukosch, S. & Brazier, F. 2020. *Social Cohesion Revisited: A New Definition and How to Characterize It*. Innovation: The European Journal of Social Science Research 33(2): 231–253.
- Ibrahim, Z. & Hassan, N. 2023. *Community Cohesion and Ethnic Tolerance In Malaysia*. Journal of Nusantara Studies 8(1): 1–15.
- Jenson, J. 1998. *Mapping Social Cohesion: The State of Canadian Research*. Ottawa: Canadian Policy Research Networks.
- Koopmans, R. & Schaeffer, M. 2021. *Relational Diversity and Social Trust*. American Sociological Review 86(6): 1023–1055.
- Laurence, J. 2020. *Cohesion Through Participation?* Journal of Ethnic and Migration Studies 46(5): 1029–1048.



- Mak Din, H.A., Hassan, N.A., Mansor Mohd Noor, Abdullah, A., Ismail, M.M. & Yunus, M.M. 2020. *Hubungan Sosial Rentas Etnik ke arah Pengukuhan Kesepaduan Sosial di Malaysia*. *Islamiyyat* 42: 107–113.
- Mohd Syarifudin Abdullah, Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor. 2013. *Kesepaduan Sosial dan Kejiranan di Kawasan Rukun Tetangga*. *Jurnal Kinabalu* 19: 53–75.
- Neal, S., Bennett, K., Cochrane, A. & Mohan, G. 2021. *Multiculture and Everyday Encounters*. *Social & Cultural Geography* 22(1): 1–20.
- OECD. 2012. *Perspectives on Global Development 2012: Social Cohesion in a Shifting World*. Paris: OECD Publishing.
- Schiefer, D. & van der Noll, J. 2021. *The Essentials of Social Cohesion*. *Social Indicators Research* 132(2): 579–603.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia sebagai Work-in-Progress*. Bangi: Penerbit UKM.
- Tamring, B.A.M., Esa, M.S. & Ibrahim, M.A. 2020. *Hubungan kaum dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Pantai Barat Sabah*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5(11): 147–158.
- Varshney, A. 2002. *Ethnic Conflict and Civic Life*. New Haven: Yale University Press.
- Wessendorf, S. 2020. *Commonplace Diversity*. *Ethnic and Racial Studies* 43(1): 1–19.
- Yusof, N. & Abd Rahman, N. 2022. *Inter-ethnic Relations and Social Cohesion in Malaysia*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(3): 1–12.



PENULIS DAN MAKLUMAT PENULIS

Nur Anis Amalina Amir Hamzah
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia
E-Mail: p126829@siswa.ukm.edu.my

Azlina Abdullah (penulis koresponden)
Program Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia
E-Mail: azlina_ab@ukm.edu.my

Mohd Sobhi Ishak
Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia
E-Mail: msobhi.ukm.edu.my

Azizah Sarkowi
Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Malaysia
E-Mail: azizah.sarkowi@ipgm.edu.my